

Kelasku Inspirasiku

Hadif menulis sepucuk surat kepada rakannya untuk menceritakan perihal kelasnya.

Hadif bin Husin,
14, Taman Impian,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

20 Mac 20□□.

Menemui sahabatku, Anding, yang berada di Sarawak.

Saudara,

Apa khabar? Diharapkan saudara dan keluarga sihat selalu.

Saya dan keluarga sihat-sihat sahaja di sini.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk tentang kelas saya. Kelas saya telah dipilih sebagai kelas terbersih untuk bulan ketiga berturut-turut. Semuanya berkat kesungguhan murid-murid yang untuk membersihkan kelas.

Setiap hari, guru bertugas akan memeriksa kelas kami. Markah diberikan kriteria yang ditetapkan. Oleh sebab itu, kami akan segera membersihkan kelas selepas .

Guru kelas saya selalu supaya kami sentiasa menjaga kebersihan. Tempat yang berhabuk menyebabkan kita . Untuk mengelakkannya, kami sentiasa mengelap tingkap.

Akhir kata, saya agar saudara dapat menceritakan aspek kebersihan di sekolah saudara. Semoga kita akan lagi dalam warkah seterusnya.

Sekian, terima kasih.



Sahabatmu,
Hadif

berpesan

bertugas

berehat

bersin

berharap

bercerita

bertemu

berpandukan



Munshi Cilik

Kata kerja aktif tak transitif terdiri daripada:

(a) kata kerja aktif tak transitif berpelengkap

Contoh:

Adik **berdiri** di tepi pintu.
pelengkap

(b) kata kerja aktif tak transitif tanpa pelengkap

Contoh :

Semua murid bangun.



Aktiviti